

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN (GERIK)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) setakat manakah tahap kesediaan pertahanan negara dalam mendepani gelora geo politik di rantau ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk penambakan latihan dan kebajikan anggota tentera.

JAWAPAN

Senario geopolitik masa kini sememangnya lebih kompleks jika dibandingkan dengan masa lalu lebih-lebih lagi dengan peningkatan ancaman keselamatan bukan tradisional. Justeru, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengambil beberapa pendekatan supaya sentiasa bersiap sedia menghadapi cabaran masa kini dan akan datang.

Kementerian Pertahanan melaksanakan Diplomasi Pertahanan ataupun *Defence Diplomacy* bagi meningkatkan tahap kepercayaan serta kerjasama antara negara bagi mengurangkan ketegangan dan mengelakkan konflik daripada tercetus. Diplomasi Pertahanan dilaksanakan secara pelbagai hala melalui ASEAN *Defence Ministers' Meeting* (ADMM) dan ADMM PLUS serta secara dua hala dengan negara jiran dan negara-negara berkepentingan bagi memastikan keamanan negara dan kestabilan serantau.

Buat masa sekarang, pertahanan negara masih lagi berupaya untuk melaksanakan operasi ketenteraan bagi mempertahankan kedaulatan negara serta operasi-operasi lain seperti bencana dan bantuan kemanusiaan di dalam mahupun di luar negara. Pada masa

yang sama, penyediaan Kertas Putih Pertahanan juga dilihat sebagai satu inisiatif dalam menentukan halatuju persediaan pertahanan negara. Antara yang dibincangkan termasuk cadangan pemodenan ATM dari segi aset kelengkapan pertahanan, penambahbaikan kebajikan kepada anggota dan veteran ATM serta penglibatan masyarakat dalam mempertahankan negara.

Bagi menentukan pertahanan negara sentiasa berada di tahap kesiagaan dan kesediaan terbaik, aspek latihan dan kebajikan anggota ATM sentiasa diberikan tumpuan bagi memastikan sumber manusia ATM cekap dan terlatih untuk melaksanakan tugas mereka. Bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kepada anggota, beberapa langkah diambil oleh ATM seperti berikut:

1. Melaksanakan latihan/ eksesais bagi membina mentaliti dan kemahiran anggota ATM melalui latihan/ eksesais dalam perkhidmatan, latihan/ eksesais bersama 3 perkhidmatan, latihan/ eksesais bersama agensi-agensi penguatkuasa kerajaan yang lain dan latihan/ eksesais dengan angkatan tentera negara sahabat;
2. Meningkatkan keilmuan dikalangan anggota melalui penghantaran anggota-anggota ke program pengajian berkembar dengan universiti-universiti tempatan dan luar negara serta akademi ketenteraan terunggul di luar negara.
3. Memberi pendedahan teknologi moden kepada anggota seperti penggunaan simulator dan sistem olah perang bagi latihan-latihan individu dan kolektif bagi mempertingkatkan kemahiran untuk memenuhi keperluan pelbagai misi peperangan; dan
4. Kajian berterusan dalam aspek silibus modul latihan dilaksanakan setiap 3 dan 5 tahun bagi menambah baik modul latihan agar lebih efektif, efisien dan mengikut peredaran masa.

Manakala bagi aspek kebajikan pula ATM menyediakan beberapa bentuk bantuan kebajikan kepada warga dan ahli keluarganya. Ianya merangkumi bantuan kewangan, perubatan dan peralatan kepada warga ATM yang mengalami kecederaan dan hilang upaya.

NO. SOALAN : 173

Antara bantuan yang disediakan adalah melalui Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara (TAPPN), Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT), Kemudahan Rawatan dan Peralatan Perubatan serta Ubat-ubatan (Bahagian Perkhidmatan Kesihatan), Tabung Zakat ATM (TZ ATM) dan tabung-tabung kebajikan di bawah perkhidmatan Markas Tentera Darat, Laut dan Udara.

Disamping itu tumpuan juga diberikan dalam menyediakan dan membaikpulih kemudahan kuarters, membaik pulih kem-kem dan kemudahan kesihatan kepada anggota dan keluarga mereka agar penghidupan yang lebih kondusif dapat dinikmati mereka.